

WAKTU SOLAT

Daerah Petaling dan kawasan yang sewaktu dengannya



SUBUH	5: 50
SYURUK	7: 04
ZUHUR	1: 12
ASAR	4: 13
MAGHRIB	7: 15
ISYAK	8: 24

MUTIARA AL-QURAN



"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan keturunan, supaya kamu berkenalan-kenalan (beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya)"

Surah al-Hujurat: 13

Sebarang cadangan & komentar sila e-mailkan kepada kami di:
suarapiu@yahoo.com
atau, hubungi kami di:

PUSAT ISLAM UNIVERSITI,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
43400 UPM SERDANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-89468582
FAKS: 03-89483742

HEBAHAN & MAKLUMAN

1. Imam/Khatib Juma'at pada minggu ini ialah :

Ustaz Uwais Al Qorny bin Ab. Latiff

JADUAL KULIAH PENGAJIAN MASJID UPM

September 2018			
14	Jumaat	Kuliah Maghrib	Fiqh Lengkap: Ust. Hj. Ismail Bin Hj. Omar
15	Sabtu	Kuliah Subuh Kuliah Maghrib	Hisn Muslim : Ust. Alzasha Illiyyin Zainal Alam Umum : Ust. Mohd Farouq Nukman Bin Zamri
16	Ahad	Kuliah Subuh	Tafsir Al Munir : Ust. Muhamad Zuhaili Bin Saiman
17	Isnin	Kuliah Subuh Kuliah Maghrib	Halaqah Al-Quran : Ust. Mohd Hafiz Bin Ghazali Tafsir al- Munir : Ust. Muhamad Zuhaili Bin Saiman
18	Selasa	Kuliah Subuh Kuliah Dhuha Kuliah Maghrib	Halaqah Al-Quran : Ust. Mohd Hafiz Bin Ghazali 30 Wasiat Imam Ghazali : Ust. Abdul Rahim bin Hj Raffiee Bahrul Mazi : Ust. Muhamad Hisyam Bin Zakaria
19	Rabu	Kuliah Maghrib	Munyatul Musolli : Ust. Mohamad Safawi Mat Ramli
20	Khamis	Kuliah Dhuha	Sahih al- Bukhari : Dr. Hashim Bin Mehat



مِيْمَبَارُ فُوتُرَا

Mimbar Putra



RISALAH JUMAAT MINGGUAN MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Mimbar Putra/260/2018



SEDUTAN KHUTBAH

"MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT"

Firman Allah SWT didalam Surah al-Hujurat ayat 10 bermaksud :

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Untuk menjamin ukhwah yang berkekalan, hendaklah meninggalkan sebarang bentuk perselisihan dan perbalahan didalam urusan kehidupan sehari-hari. Ini kerana, Islam menyeru kepada perpaduan dan keharmonian hidup sesama manusia. Didalam menyantuni ummah Allah SWT mengingatkan kita supaya menjaga hubungan silaturahim sesama ummat manusia. Oleh itu, Islam menggalakkan umatnya berinteraksi, bergaul dan menjalin hubungan yang baik, dengan harmoni dan sejahtera dalam urusan kehidupan. Sifat berlapang dada dan rasa cinta sesama saudara muslim adalah wajib dipelihara dan disuburkan. Rasulullah SAW sangat mlarang babit-babit permusuhan dalam kalangan umatnya seperti pertengkaran, perbalahan dan pertikaian sesama muslim. Ini kerana, perbalahan dan pertengkaran itu mengundang fitnah kepada ummat Islam sedangkan fitnah ini adalah perkara yang sangat dilarang oleh Islam.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Jauhilah oleh kalian perasangka, kerana perasangka itu adalah ungkapan yang paling dusta. Dan janganlah kalian mencari-cari aib orang lain, jangan pula saling menebar kebencian dan jadilah kalian orang-orang yang bersaudara." (Riwayat al-Bukhari).

Pengajaran dan panduan yang penting, yang boleh didapati antaranya adalah :

1. Umat Islam hendaklah menyakini bahawa hijrah kepada yang lebih baik adalah suatu kewajipan.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam adalah agama yang menekankan prinsip persaudaraan sesama umat dan membawa rahmat kepada manusia sejagat.
3. Umat Islam hendaklah terus berdakwah kepada semua pihak sama ada kepada Muslim atau non Muslim dengan memberi kefahaman kepada mereka tentang kebaikan ajaran Islam yang sebenar.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa memperbaharui azam berhijrah untuk meningkatkan amal ibadah dan berakhlik dengan akhlak yang mulia.